

01 Ogos 2018



JEREMIAH APUI APPATH
 GEREJA SIB (BEM) PEKAN
 BELAGA
 null
 96900, BELAGA
 SARAWAK

No Matrik : 64797

Saudara/Saudari

Tawaran Kemasukan Ke Universiti Malaysia Sarawak Semester 1 Sesi 2018/2019

Tahniah! Saudara/saudari adalah ditawarkan tempat untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam program/Fakulti seperti berikut:

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kimia Sumber) - WS48
Fakulti : Fakulti Sains dan Teknologi Sumber

Tawaran ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti di lampiran. Sila ambil perhatian bahawa pengesahan penerimaan secara atas talian adalah pada **2 hingga 10 Ogos 2018** manakala pendaftaran secara atas talian adalah pada **2 Ogos hingga 2 September 2018** di laman sesawang <https://www.unimas.my>.

Saudara/saudari dipohon untuk **melaporkan diri bagi pendaftaran kolej kediaman** seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 3 atau 4 September 2018 (Isnin atau Selasa)
Masa : 8.30 pagi hingga 4.30 petang
Lokasi Pendaftaran dan Kolej Kediaman : Kolej Allamanda
Yuran Semester 1 Sesi 2018/2019 : RM2,009.00

Saudara/saudari akan mengikuti Program Kimia Sumber selama 6 semester. Saudara/saudari hanya perlu menanggung kos sebanyak RM12,054.00 untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kimia Sumber). Sebanyak RM71,127.00 lagi ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Nama Program Pengajian	Kos yuran pengajian keseluruhan ditanggung pelajar	Kos yuran setahun ditanggung pelajar	Kos yuran setahun ditanggung kerajaan
Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Kimia Sumber) - WS48	RM12,054.00	RM4,018.00	RM27,727.00

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Henry Tening Sengeng
 Pendaftar

***Surat tawaran ini bukan merupakan surat tawaran rasmi dan hanya boleh digunakan sebagai rujukan sahaja.*

***Surat ini dijana oleh komputer, oleh itu tandatangan tidak diperlukan.*

Cetakan pada: Thu Aug 02 22:51:34 MYT 2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN
SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2018/2019

Tawaran ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Saudara/saudari dikehendaki:
 - i. membuat pengesahan penerimaan tawaran di laman sesawang www.unimas.my bermula daripada **2 hingga 10 Ogos 2018**.
 - ii. membuat pembayaran yuran dan melaksanakan pendaftaran secara online (e-Daftar) di laman sesawang www.unimas.my seperti butiran berikut: ; dan

Kaedah	Capaian/Lokasi	Tempoh Bayar	Tempoh Pendaftaran Online (eDaftar)
Online Payment	https://payportal.unimas.my/epayment/	Mulai 2 Ogos 2018 sehingga 31 Ogos 2018	Mulai 2 Ogos 2018 dan 15 minit selepas transaksi pembayaran berjaya sehingga 2 September 2018
Kaunter Unit Kewangan Pelajar (UKP)	Aras G, Bangunan Hal Ehwal Pelajar (BHEP) Universiti Malaysia Sarawak Kota Samarahan Tel: 082-581871/72/73/79 Masa operasi : 8.00 pagi hingga 4.30 petang	Mulai 2 Ogos 2018 sehingga 30 Ogos 2018	Mulai 3 Ogos 2018 dan 1 hari bekerja selepas transaksi pembayaran berjaya di kaunter UKP sehingga 2 September 2018
Kaunter Bank Islam	Mana-mana Cawangan Bank Islam di Malaysia	Mulai 9 Ogos 2018 sehingga 29 Ogos 2018	2 hari bekerja, selepas transaksi pembayaran berjaya di kaunter Bank Islam sehingga 2 September 2018

- iii. mendaftar diri di Kolej Kediaman pada **3 atau 4 September 2018 (Isnin atau Selasa)** .
2. **TAWARAN AKAN TERBATAL** dengan sendirinya jika saudara/saudari gagal melaksanakan perkara berikut:
 - i. tidak melengkapkan perkara 1(i) hingga tarikh **10 Ogos 2018 (Jumaat)** atau;
 - ii. ii. tidak melengkapkan perkara 1 (ii) bagi pelajar yang telah melaksanakan pengesahan penerimaan dalam tempoh yang ditetapkan; **dan**
 - ii. gagal mendaftar diri di Kolej Kediaman selewat-lewatnya 4 September 2018 tanpa sebarang makluman (bagi pelajar yang telah melengkapkan perkara i & ii)
 3. Tawaran ini **hanya sah** untuk Kemasukan Semester 1 Sesi Akademik 2018/2019.
 4. **Pemeriksaan Kesihatan:**
 - i. Pemeriksaan Kesihatan ke atas pelajar baharu akan dilaksanakan di **Pusat Kesihatan UNIMAS selepas tamat Minggu Aluan Pelajar (5 hingga 9 September 2018)**. Tarikh pemeriksaan kesihatan akan ditetapkan oleh Pusat Kesihatan UNIMAS dan hebahan akan dibuat melalui Fakulti masing-masing.
 - ii. Bagi pelajar baharu program **Doktor Perubatan (WM00)** dan **Kejururawatan (WM12)**, tambahan bayaran berjumlah **RM150.00** akan dikenakan bagi pemeriksaan HIV, Hepatitis B dan Hepatitis C. Tarikh pemeriksaan kesihatan akan ditentukan oleh Pusat Kesihatan UNIMAS dan hebahan akan dibuat melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).
 5. Sekiranya saudara/saudari menarik diri selepas pendaftaran, pembayaran balik yuran adalah tertakluk kepada Perkara 20.2 Peraturan Akademik Ijazah Sarjana Muda UNIMAS yang berkuatkuasa.

Perkara 20.2 memperuntukkan "Bagi pelajar yang telah diluluskan menarik diri dari pengajian tetapi telah membayar yuran pengajian, yuran tersebut dikembalikan tertakluk kepada kadar berikut;

Minggu Perkuliahan	Kadar dikembalikan
Minggu 1 hingga 2	75%
Minggu 3 hingga 10	50%
Selepas minggu 10	0%

Nota :

- a. Kadar bayaran balik yuran pengajian dikira bermula daripada tarikh permohonan diterima daripada pelajar.
- b. **Pelajar perlu memohon dan memajukan surat tarik diri yang telah diluluskan oleh Universiti kepada Unit Kewangan Pelajar UNIMAS.**

6. Saudara/saudari dikehendaki menjelaskan yuran Semester 1 Sesi 2018/2019 seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti sebelum mendaftar diri sebagai pelajar.
7. Tawaran ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang pertukaran Fakulti atau Program adalah **tidak** dibenarkan.
8. UNIMAS berhak **menarik balik tawaran** kemasukan ini atau menamatkan pengajian saudara/saudari dengan serta merta sekiranya saudara/saudari didapati memberi maklumat palsu.
9. Saudara/saudari dikehendaki membaca dan memahami **Panduan Kemasukan Sesi 2018/2019**, mengisi borang-borang yang dilampirkan serta mengambil tindakan selanjutnya seperti yang diarahkan.
10. Saudara/saudari diwajibkan untuk menandatangani Surat Aku Janji Pelajar yang akan diedarkan oleh Pusat Khidmat Pelajar pada Minggu Aluan Pelajar. Saudara-saudari pada setiap masa adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012), Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling dan lain-lain peraturan serta pindaan yang berkuatkuasa dan diterima pakai di Universiti Malaysia Sarawak.

***Surat tawaran ini bukan merupakan surat tawaran rasmi dan hanya boleh digunakan sebagai rujukan sahaja.*

***Surat ini dijana oleh komputer, oleh itu tandatangan tidak diperlukan.*

Cetakan pada: Thu Aug 02 22:51:34 MYT 2018.